

PEJABAT BENDAHARI
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

KUITHO.PB/10.12/14 (32)

23 Mac, 2006

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 2 TAHUN 2006
(TAMBAHAN DAN PINDAAN KEPADA PEKELILING BENDAHARI BIL 11/2001)**

Semua Pengurus Bahagian
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Y. Bhg. Prof./ Tuan / Puan,

ATURCARA BAGI BEKALAN DAN PERKHIDMATAN UNIVERSITI

1. Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan memaklumkan mengenai tambahan dan pindaan Aturcara Perolehan bagi Bekalan dan Perkhidmatan Universiti seperti Pekeliling Bendahari Bilangan 11 Tahun 2001 iaitu.

- | | |
|-------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pindaan Para 2.1.2 - | Perolehan bernilai RM101.00 sehingga RM1,000.00 setahun ditukar kepada perolehan bernilai RM101.00 sehingga RM500.00 setahun. (Bagi pengeluaran Pesanan Belian untuk semua vot kecuali Vot 27000- Inventori) |
| Pindaan Para 2.1.3 - | Perolehan bernilai RM1,001.00 sehingga RM10,000.00 setahun ditukar kepada perolehan bernilai RM501.00 sehingga RM10,000.00 setahun. (Bagi semua Vot kecuali Vot 27000 (Inventori) bagi tujuan memastikan perolehan berjumlah RM501.00 ke atas dapat direkod sebagai tanggungan melalui pengeluaran Pesanan Tempatan) |
| Tambahan dan pindaan borang - | Penggunaan borang baru berkaitan perolehan hendaklah dirujuk dalam senarai borang seperti di lampiran A. |

2. Walaubagaimanapun, perolehan yang melibatkan Vot 27000 (Inventori) perolehan bernilai RM1,001.00 sehingga RM10,000.00 setahun ditukar kepada perolehan bernilai RM101.00 sehingga RM10,000.00 setahun dengan mengeluarkan Pesanan Tempatan. Proses seterusnya adalah sama seperti Tatacara Perolehan para 2.1.3 Pekeliling Bendahari Bil 11/2001. Ini adalah bertujuan untuk memastikan perolehan inventori dapat direkodkan dalam Sistem Pengurusan Aset Universiti (FAMS) bagi nilai perolehan RM101.00 ke atas.

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta. Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,



(HAJI ABU BAKAR BIN HUSSAIN)

Bendahari

☎ 453 6007

s.k. Y Bhg Rektor
Y Bhg Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Y Bhg Timbalan Rektor (Akademik & Pengantarabangsaan)